

Harap umum keputusan temu duga

KUALA LUMPUR 25

Julai - Gerakan Graduan Pendidikan Universiti Awam (GGPUA) berharap Kementerian Pendidikan dapat segera mengumumkan keputusan temu duga Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) pada April lalu supaya nasib 3,392 calon yang ditemu duga ketika itu tidak terus berada dalam tanda tanya.

Wakilnya, Mohd. Azrinsyah Abd. Aziz berkata, pengumuman tersebut juga dapat membantu Kementerian Pendidikan mengisi kekosongan guru di kawasan bandar besar seperti yang dibangkitkan menterinya, Dr. Maszlee Malik beberapa hari lalu.

“GGPUA amat berharap agar Kementerian Pendidikan dapat mengeluarkan keputusan temu duga SPP pada April lalu dengan segera supaya dapat mengisi kekosongan di negeri yang dikatakan mengalami kekurangan guru dan di beberapa negeri seperti Sabah dan Sarawak kekurangan guru bagi memenuhi sasaran 90 peratus guru anak tempatan yang ditetapkan kerajaan sebelum ini.

“Kami juga berharap agar keputusan kali ini tidak mengecewakan seperti keputusan Disember tahun lalu apabila hampir 80 peratus calon digagalkan atas faktor sukar diterima seperti pemakaian dan kemahiran komunikasi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Seperti yang didedahkan *Utusan Malaysia* sebelum ini, data pada laman web SPP menyatakan terdapat 3,392 graduan yang menghadiri temu duga pada April lalu dan sehingga kini keputusannya masih belum diumumkan.